

Korea sambut Dr Mahathir dengan lagu Injit2 Semut

SEOUL, Isnin — Lagu *Enjit-Enjit Semut* dan *Kenek-Kenek Udang* bergema di bumi Korea sebaik sahaja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan tiba ke negara itu untuk lawatan rasmi seminggu, petang ini.

Kedua lagu itu dinyanyikan oleh 550 pelajar wanita dari sebuah sekolah menengah di bandaraya Seoul. Mereka menyanyi sambil mengibarkan bendera Malaysia dan Korea Selatan.

Perdana Menteri tiba tepat jam 5.25 petang dengan pesawat khas Mas. Rakan sejawatnya, Encik Kim Sung Hyup menyambutnya untuk diperkenalkan kepada menteri-menteri Kabinet dan pembesar-pembesar asing di sini.

Kedua pemimpin itu kemudian menaiki pentas khas untuk membalas tabik hormat dari pasukan keselamatan Korea Selatan iaitu polis dan tentera.

Ketibaan

Tembakan 21 das kemudian dilepaskan sebaik sahaja kedua pemimpin itu menaiki kenderaan khas untuk memeriksa barisan kehormatan.

Selepas itu mereka kembali ke pentas khas. Perdana Menteri diberi kunci selamat datang sebelum lagu Negaraku dan lagu kebangsaan Korea Selatan dikumandangkan.

Beratus-ratus rakyat Malaysia termasuk pelajar-pelajar yang sedang berkursus juga menyambut ketibaan Perdana

Oleh
**ZAINUDDIN
AYIP**

Ketua Pemberita
Berita Harian

Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Mereka mengibarkan bendera Malaysia dan Korea sambil mengucapkan selamat datang kepada Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan.

Perdana Menteri sempat bersalaman dengan masyarakat Malaysia di Korea Selatan yang menunggu di Lapangan Terbang Kimpo sambil menanyakan khabar.

Perdana Menteri kemudian dibawa melawat di sekitar bandaraya Seoul yang berpenduduk sembilan juta orang sebelum ke tempat penginapan Rasmi-Hotel Shilla, 20 kilometer dari lapangan terbang.

Sepanjang jalan utama yang dilawati, bendera Malaysia dan Korea dikibarkan. Rakyat Korea Selatan juga berbaris di sepanjang jalan untuk mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri.

Beberapa bangunan utama juga dipasang sepanduk besar 'Selamat Datang Perdana Menteri Malaysia' dalam bahasa Malaysia dan Korea.

Hotel tempat penginapan Datuk Seri Dr Mahathir juga dikawal rapi sepanjang masa. Semua rombongan Malaysia termasuk 30 usahawan dan lapan wartawan menginap di hotel itu.

Perdana Menteri malam ini tidak mempunyai acara rasmi. Acara rasmi beliau bermula jam 9 pagi esok iaitu melawat Tugu Peringatan Negara.

Ini diikuti dengan pertemuan dan perbincangan dengan Presiden Chun Doo Hwan dalam satu pertemuan dari hati ke hati.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia